

Kerajaan diarah serah tanah kepada SESB

'Pertimbang pinda undang-undang'

Langkah elak tanah manfaat awam diambil secara mudah syarikat swasta

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Hazwan Faisal Mohamed
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang mempertimbang untuk meminda undang-undang bagi mengelak tanah digunakan untuk manfaat awam diambil secara mudah pihak lain khususnya syarikat swasta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata amalan pengambilan tanah seumpama itu jika dibiarkan akan memberi implikasi sangat serius dan boleh menyebabkan negara huru-hara.

Susulan itu, beliau berkata, perkara berkenaan akan dibangkit dan dibincangkan pada mesyuarat Kabinet pada minggu depan.

“Tanah Semantan Estate Sdn Bhd (SESB) itu diambil mestilah untuk kegunaan awam, badan kerajaan dan sebagainya, bukan untuk swasta, tetapi hakim mungkin tertakluk pada undang-undang yang ada.

“Saya cadangkan kepada Jemaah Menteri lihat semula undang-undang ini. Kalau semua guna kaedah prinsip yang ada sekarang ini di mahkamah, akan huru-hara negara.

“Jadi sebab itu kita harus teliti semula, kita patuh dengan keputusan kehakiman, tetapi yang dimohon oleh kedua-dua pihak, sedang runding tiga bulan, tidak dipersetujui. Jadi kita juga akan melihat implikasi undang-undang dan implikasi kepada negara sangat serius,” katanya selepas Majlis Peluncuran Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan di sini, semalam.

Anwar diminta mengulas keputusan kerajaan memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi kelmarin, yang memerintahkannya untuk memindah milik tanah seluas 106.542 hektar di Mukim Batu di sini kepada SESB.

Lokasi utama di Jalan Duta

Tanah terbabit yang terletak di lokasi utama Jalan Duta, menempatkan antaranya Kompleks Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), beberapa bangunan kerajaan, Stadium Hoki Nasional, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Masjid Wilayah Persekutuan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Jemaah Menteri akan teliti lanjut isu pindah milik tanah ini pada minggu depan, khususnya dalam melihat keadilan yang wajar kepada semua pihak, memandangkan tanah itu turut menem-

patkan ratusan ribu orang. “Kalau prinsip (ambil tanah sekarang) ini digunakan, bagaimana dengan tanah rakyat yang diambil sejak merdeka atau sebelum merdeka oleh kerajaan atau sektor swasta, atau sektor swasta yang membeli tanah pertanian.

“Pada minggu berikutnya, ia ditukar kepada tanah industri. Jadi orang yang jual pada harga yang sangat rendah, tetapi yang dapat tanah itu (harganya) sangat tinggi. Itulah sebabnya kenapa kita perlu faham keputusan itu dan perlu lihat (teliti) hal ini,” katanya.